



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH
KAMPUS SUNGAI PETANI**

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon **Warganegara Malaysia** berstatus Bumiputera (Jawatan Pentadbiran) yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan **Tetap** di **Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani**.

A. JAWATAN PENTADBIRAN

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
KUMPULAN PELAKSANA					
1.	PENGAWAL KESELAMATAN	KP11	Pengawal Keselamatan	RM 1,205.00	RM 2,939.00

JAWATAN PENTADBIRAN

1. PENGAWAL KESELAMATAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c)
 - (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11 : RM1,205.00); atau
 - (ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11 : RM1,205.00).

dan

 - (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

- (iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perenggan 1(c) hendaklah memiliki Kejujuran (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

1. Pemohon-pemohon lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
2. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun **MESTILAH MELALUI KETUA JABATAN** dan hendaklah disertakan dengan **SALINAN KENYATAAN PERKHIDMATAN YANG DIKEMASKINI**.
3. Setiap permohonan **MESTILAH** disertakan dengan **SALINAN** dokumen berikut yang telah **DISAHKAN**:
 - Kad Pengenalan
 - Sijil PMR/SRP, SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
 - Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada / terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja / penetapan gaji
 - Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemas kini (bagi kakitangan kerajaan / Badan Berkanun / separa kerajaan yang sedang berkhidmat)
4. Nama jawatan yang dipohon hendaklah dinyatakan di penjuru atas sebelah kiri sampul surat permohonan.
5. Borang yang tidak lengkap dan permohonan calon dari jabatan kerajaan / badan berkanun / separa kerajaan yang tidak memohon melalui majikan **tidak akan diproses**.
6. Hanya pemohon-pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.
7. Pemohon yang tidak menerima jawapan daripada pihak universiti selepas **enam (6) bulan** dari tarikh iklan ditutup adalah dianggap tidak berjaya.

8. Pemohon–pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah.

CARA- CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- (a) Permohonan hendaklah dibuat di dalam **Borang Perjawatan UiTM** yang boleh didapati dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani di <https://kedah.uitm.edu.my/> . Tarikh tutup permohonan adalah pada **26 Disember 2022 (Isnin)**.
- (b) Sila kemukakan permohonan kepada :



**UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA**

**KETUA
BAHAGIAN PENTADBIRAN
UiTM CAWANGAN KEDAH
KAMPUS SUNGAI PETANI
08400, MERBOK
KEDAH DARUL AMAN**

NO. TEL: (04) 4562053 / 2056 / 2059